

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha yang sedang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ketidaksepadanan (*Mismatch*) antara penawaran dan permintaan kawasan perumahan mengikut lokasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara usaha yang sedang diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mengatasi masalah ketidaksepadanan (*Mismatch*) antara penawaran dan permintaan kawasan perumahan mengikut lokasi adalah melalui:
 - a) **Cadangan harga siling rumah mampu milik di bandar dan luar bandar bagi setiap negeri.**

Di bawah Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) harga rumah mampu milik dicadangkan berdasarkan harga rumah median semasa iaitu menggunakan ketetapan

gandaan median (*median multiple*). Pengiraan harga rumah ini berdasarkan 3 kali ganda pendapatan isi rumah penengah (median) penduduk di bandar dan luar bandar setiap negeri.

Penentuan harga siling ini boleh dijadikan garis panduan kepada pemaju bahkan Kerajaan Negeri dalam perancangan pembangunan perumahan yang mampu dimiliki oleh golongan sasaran.

b) Mewujudkan pangkalan data bersepadu bagi semua maklumat berkaitan perumahan.

KPKT sedang merancang untuk membangunkan pangkalan data bersepadu berdasarkan konsep “Big Data Analytic” bagi mengintegrasikan semua maklumat perumahan di bawah satu bumbung yang meliputi maklumat permintaan dan penawaran perumahan mengikut lokasi. Pembangunan pangkalan data bersepadu ini akan dijadikan rujukan utama kepada agensi Persekutuan, Negeri dan pihak swasta dalam membuat perancangan pembangunan perumahan yang lebih holistik dan mengikut permintaan.

c) Pemusatan penyelarasan perumahan mampu milik.

Kerajaan telah menyelaraskan semua agensi penyediaan perumahan mampu milik kerajaan di bawah satu bumbung melalui perpindahan Perbadanan PR1MA Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Program Perumahan Penjawat Awam ke bawah KPKT. KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) juga adalah penyelarasan bagi pembangunan 1 Juta Rumah Mampu Milik bersama 8 Kementerian Persekutuan, Kerajaan Negeri serta pemaju swasta bagi memastikan pemusatan maklumat pembangunan rumah mampu milik.

- d) Menambah baik koordinasi antara pembangunan perumahan dan pengangkutan untuk kualiti kehidupan yang lebih baik.**

KPKT bersama dengan *stakeholders* industri perumahan yang berkaitan akan bekerjasama dalam memastikan perancangan kemudahan pengangkutan dan projek perumahan diselaraskan di peringkat nasional dan sub-nasional supaya perancangan tersebut memenuhi keperluan sesuatu kawasan.

Sekian, terima kasih.